



Ruj. Kami : MRSM/BP/403.3
Tarikh : 20 September 2018

Ibu Bapa Pelajar Tingkatan 5

Yang Berbahagia Tuan / Puan,

JEMPUTAN MAJLIS HARI GRADUASI MAKTAB RENDAH SAINS MARA BALIK PULAU KALI KE-32

Perkara di atas dengan hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak maktab akan mengadakan Majlis Hari Graduasi MRSM Balik Pulau kali ke-32 seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 11 Oktober 2018 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi – 12.15 tengahari
Tempat: Dewan Seri Gemilang, MRSM Balik Pulau

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami berbesar hati mengundang dan mempersilakan pihak tuan/puan ke majlis tersebut.

4. Tuan / puan dimohon berpakaian formal sebagai memenuhi etika berpakaian untuk majlis tersebut. Kerjasama dan kehadiran pihak tuan / puan amat dialu-alukan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

ABU ZAKI BIN AHMAD AFFANDI
Pengetua